

**Isu Kos Sara Hidup Tentukan Masa Depan Sesebuah Negara
Bernama
14 Februari , 2012**

PUTRAJAYA, 14 Feb (Bernama) -- Isu berhubung kos sara hidup adalah penting untuk dibincang dan ditangani kerana ia sebenarnya menentukan masa depan sesebuah negara, kata Pengerusi Majlis Profesor Negara Prof Emeritus Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid.

Beliau memberi contoh mengenai kemelut ekonomi Greece, dan juga pemilihan semula Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, yang menurutnya turut mempunyai kaitan dengan isu kos sara hidup.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga baru-baru ini mengatakan bahawa kos sara hidup turut menjadi penentu kesinambungan dan kesejahteraan kerajaan," katanya semasa berucap di majlis Persidangan Meja Bulat: Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup, Majlis Profesor Negara (MPN), di sini.

Menurutnya persidangan meja bulat hari ini penting kerana ia akan menyerlahkan peranan Majlis Profesor Negara, yang merupakan satu badan akademik, membincangkan hal tersebut.

Beliau berkata apa yang dibincangkan oleh MPN juga diharap boleh mengubah sikap dan pandangan masyarakat terhadap isu-isu yang amat dekat dengan mereka sendiri.

"Tugas MPN adalah memberi pandangan-pandangan yang membina supaya negara ini terus maju, sejahtera dan berkembang bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata isu mengenai kos sara hidup perlu diberi perhatian kerana banyak berkisar mengenai kehidupan rakyat berpendapatan rendah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645488>